

479- Abu Ma'mar ('Abdullah bin 'Amar al-Muq'ad al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Waarits (bin Sa'id bin Zakwaan al-'Ambari al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin 'Ubaid bin Dinar al-Bahsri) meriwayatkan kepada kami daripada Humaid bin Hilal daripada Abi Shalih (Zakwaan as-Sammaan) bahawa Abu Sa'id (Sa'ad bin Malik al-Khudri) berkata: Nabi s.a.w. bersabda: ... Dengan isnad yang lain pula, Adam bin Abi Iyaas meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman bin al-Mughirah⁸²⁴ meriwayatkan kepada kami, katanya: Humaid bin Hilal al-'Adawi meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Shalih as-Sammaan meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya melihat Abu Sa'id al-Khudri pada suatu hari Jumaat sedang bersembahyang dengan menghadap kepada sesuatu sebagai sutrahnya. Tiba-tiba ada seorang anak muda dari kalangan anak-anak Bani Mu'aith⁸²⁵ hendak

⁸²⁴ Bukhari tidak mengambil daripada Sulaiman bin al-Mughirah kecuali hadits ini. Oleh kerana terdapat sedikit tambahan di dalam isnad dan matan haditsnya, Imam Bukhari mengambil daripadanya di sini sebagai mutaabi' kepada Yunus bin 'Ubaid. Tambahan yang ada di dalam isنادnya Humaid telah meriwayatkan hadits itu secara tahdits (berkata حدثنا) daripada Abi Shalih. Abu Shalih juga telah meriwayatkannya daripada Abi Sa'id secara tahdits (berkata حدثنا). Tambahan yang ada di dalam matan haditsnya ialah di dalamnya tersebut nabi s.a.w. bersabda: إذا صلى أحدكم إلى شيء يستره من الناس فليحجب به. Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrah. Padahal di dalam hadits Yunus tidak tersebut إلى شيء يستره من الناس. Ini bererti lafaz hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di sini ialah lafaz hadits Sulaiman bin al-Mughirah. Tindakan Bukhari itu seolah-olahnya menggambarkan lafaz hadits Yunus juga betul-betul sama dengan lafaz hadits Sulaiman bin al-Mughirah itu. Sedangkan hadits kedua mereka tidak betul-betul sama. Imam Bukhari tidak mengisyaratkan kepada tambahan yang terdapat di dalam hadits Sulaiman bin al-Mughirah. Ia hanya disebutkan oleh al-Isma'ili. Demikian jelas Ibnu Rajab. Bagaimanapun Imam Muslim, Ahmad, Abu Daud, dan Baihaqi turut meriwayatkan hadits di atas dengan isناد masing-masing daripada Sulaiman bin al-Mughirah seperti riwayat Bukhari di atas. Ibnu 'Ajlaan telah menjadi mutaabi' kepada Sulaiman bin al-Mughirah dalam meriwayatkan tambahan itu daripada Zaid bin Aslam. Haditsnya telah dikemukakan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah. Daud bin Qais juga telah menjadi mutaabi' kepadanya dalam meriwayatkan tambahan itu daripada Zaid bin Aslam. Haditsnya telah dikemukakan oleh 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya.

⁸²⁵ Siapakah seorang anak muda dari kalangan anak-anak Bani Mu'aith yang dimaksudkan di sini? Riwayat berbeza-beza dalam menentukannya. (1) Berdasarkan riwayat Abi Nu'aim di dalam Kitab as-Shalatnya, dia ialah al-Walid bin 'Uqbah bin Abi Mu'aith. Tetapi riwayat Abu Nu'aim ini dha'if kerana di dalam isنادnya terdapat 'Abdullah bin 'Aamir al-Aslami. Dia seorang perawi dha'if. Kata Ibnu Rajab: "Riwayat yang menyebutkan nama al-Walid adalah gharib (dha'if) dan tidak mahfuz." Selain alasan yang dikemukakan oleh Ibnu Rajab itu, terdapat tiga lagi alasan lain dari sudut dirayah yang menunjukkan ia tidak tepat dengan al-Walid. Pertama: Kata-kata Marwaan kepada Abu Sa'id: "Apa yang tak kena dengan anak saudaramu ini wahai Aba Sa'id?", jelas menunjukkan ia tidak tepat dengan al-Walid. Bagaimana Marwaan akan berkata begitu kepadanya? Al-Walid bukan anak saudara sebenarnya. Kalau saudara itu dipakai dengan ma'na

melintas di hadapannya. Abu Sa'id menolak dadanya. Anak muda itu melihat laluan yang lain tetapi tdk ditemuinya selain laluan di hadapan Abu Sa'id. Dia cuba melintas lagi di

saudara seagama sekalipun, ia tetap tidak benar. Kerana ayah al-Walid iaitu 'Uqbah telah terbunuh sebagai seorang kafir. **Kedua:** Di dalam riwayat di atas tersebut bahawa selepas berlaku kejadian tersebut, anak muda itu terus pergi menemui (menghadap) Marwaan untuk mengadu hal kepadanya. Menurut riwayat al-Isma'ili, pada ketika itu Marwaan menjadi gabenor Madinah. Marwaan hanya menjadi gabenor di Madinah di zaman pemerintahan Khalifah Mu'aawiyah. Al-Walid pula pada masa itu tidak ada di Madinah. Kerana selepas Saiyyidina 'Utsman terbunuh, dia berpindah ke Jazirah dan menetap di sana sampai meninggal dunia di zaman pemerintahan Saiyyidina Mu'aawiyah. Al-Walid tidak pernah terlibat dalam mana-mana peperangan yang berlaku di antara Saiyyidina Ali' dan Mu'aawiyah atau lain-lain pihak. **Ketiga:** Riwayat di atas menunjukkan orang yang hendak melintas di hadapan Abu Sa'id ialah seorang anak muda. Ia juga tidak tepat dengan al-Walid, kerana pada ketika itu al-Walid berumur dalam lingkungan lima puluhan. Ya, mungkin benar jika diandaikan perkataan ابن telah tergugur sebelum perkataan الوليد بن عقبة di dalam riwayat Abu Nu'aim itu! Alasan-alasan tadi dikemukakan bersama oleh Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-'Aini di dalam syarah Bukhari mereka masing-masing. (2) Riwayat 'Abdur Razzaaq berbeza-beza dalam menentukan anak muda yang tersebut di dalam riwayat di atas. a- Di dalam riwayat beliau daripada Daud bin Qais daripada Zaid bin Aslam daripada 'Abdur Rahman bin Abi Sa'id (al-Khudri) tidak disebutkan nama anak muda itu. b- Di dalam riwayat beliau daripada Ma'mar daripada Zaid bin Aslam bukan anak muda yang disebutkan, tetapi seorang kerabat Marwaan. c- Melalui saluran riwayat Abi al-'Alaa' daripada Abi Sa'id pula tersebut: "lalu di hadapannya seorang lelaki daripada anak-anak Marwaan". d- Melalui saluran riwayat Sulaiman bin Musa disebutkan dengan jelas nama orang yang hendak lalu di hadapan Abu Sa'id. Dia ialah Daud bin Marwaan. Di dalam riwayat Nasaa'i disebutkan hanya anak lelaki Marwaan tanpa nama. Ibnu al-Jauzi dan orang-orang yang terpengaruh dengannya yakin benar dengan nama yang disebutkan di dalam riwayat 'Abdur Razzaaq itu. Namun ia tidak benar. Kerana riwayat Bukhari di atas menyebutkan anak muda itu dari kalangan anak-anak Abi Mu'aith. Sedangkan Marwaan bukan termasuk anak cucu Abi Mu'aith. Abu Mu'aith itu sendiri adalah sepupu kepada ayah Marwaan. Lihatlah silsilah nasabnya ini: Abu Mu'aith bin Abi 'Amar bin Umaiyah. Ayah Marwaan pula ialah al-Hakam bin Abi al-'Aash bin Umaiyah. Emak Daud, emak Marwaan dan Ummul Hakam juga bukan dari kalangan anak cucu Abi Mu'aith. Hafiz Ibnu Hajar cuba membuat dua andaian yang lain. **Pertama:** Daud mempunyai perhubungan dengan Abi Mu'aith dari segi penyusuan. **Kedua:** Mungkin juga kerana datuk sebelah ibunya iaitu 'Utsman bin 'Affaan adalah saudara seibu dengan al-Walid bin 'Uqbah bin Abi Mu'aith, maka secara majaaz Daud dikaitkan dengan Abi Mu'aith. Tetapi beliau sendiri menganggap kedua-dua andaian itu agak sukar untuk diterima. (3) Di dalam satu riwayat Mushannaf Ibni Abi Syaibah tersebut nama 'Abdur Rahman bin al-Harits bin Hisyam sebagai orang yang hendak melintas di hadapan Abi Sa'id ketika beliau sedang bersembahyang. Tetapi 'Abdur Rahman bin al-Harits adalah Makhuzmi (seorang lelaki dari Bani Makhzum). Beliau juga bukan anak cucu Abi Mu'aith. Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-'Aini cuba menjama'kan riwayat-riwayat tersebut itu dengan mengandaikan peristiwa seperti itu telah berlaku beberapa kali kepada Abu Sa'id. Bagi penulis, agak sukar untuk diterima ia berlaku beberapa kali lantaran ittihad makhrajnya (orang yang terlibat adalah sama dan jalan cerita juga sama). Yang lebih tepatnya ialah seperti yang dikemukakan oleh Bukhari iaitu tanpa menyebutkan nama dengan terang dan ia berlaku hanya sekali sahaja kepada Abu Sa'id. Memang salah satu ciri hadits sahih apabila menceritakan hal-hal seperti ini, nama orang yang terlibat yang zahirnya menampakkan kekurangan dan keaibannya tidak disebutkan.

hadapan Abu Sa'id. Abu Sa'id menolaknya dengan lebih kuat lagi daripada yang sebelumnya. Anak muda itu tersinggung dengan tindakan Abu Sa'id.⁸²⁶ Dia terus menemui (menghadap) Marwaan dan mengadu hal kepadanya tentang apa yang dialaminya daripada Abu Sa'id. Abu Sa'id mengekorinya pergi menemui Marwaan. Berkatalah Marwaan: "Apa yang tak kena dengan anak saudaramu ini wahai Aba Sa'id? Abu Sa'id berkata: "Saya telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrah, maka dalam keadaan itu jika ada sesiapa mahu melintas di hadapannya, dia hendaklah menolaknya (menghalangnya). Kalau dia hendak melintas juga, maka hendaklah ditolaknya (dihalangnya) dengan lebih keras lagi (daripada yang sebelumnya).⁸²⁷ Ini kerana dia sebenarnya adalah syaitan."⁸²⁸

⁸²⁶ Perkataan *قال من أبي سعيد* boleh juga diterjemahkan dengan "Maka anak muda itu mengatai Abu Sa'id". Ma'na inilah yang difahami daripada keterangan kebanyakan pensyarah Bukhari. Bagaimanapun penulis lebih bersetuju dengan ma'na yang dikemukakan oleh al-Kirmaani. Kata beliau: *قال أي فاصب والنيل الإصبة والمقصود أنه تالم من أبي سعيد*. Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan ma'nanya yang dipilih al-Kirmaani ini. Harap ma'lum.

⁸²⁷ Kata Imam an-Nawawi: "Aku tidak mengetahui ada sesiapa pun dari kalangan fuqaha' berpendapat, orang yang sedang bersembahyang wajib menolak atau menghalang orang yang hendak lalu di hadapannya. Tokoh-tokoh dalam mazhab kita (mazhab Syafi'e) bahkan menjelaskan hukumnya adalah mandub (sunat). Ya, Ahlu az-Zahir memang berpendapat wajib. Baihaqi menukulkan daripada Syafi'e bahawa yang dimaksudkan dengan sabda nabi s.a.w. *فليقاته* di dalam hadits di atas ialah penolakan yang lebih kuat daripada yang pertama. Tokoh-tokoh dalam mazhab kita berpendapat, orang yang bersembahyang hendaklah menolak atau menghalang orang yang hendak lalu di hadapannya dengan cara paling lembut terlebih dahulu. Kalau orang yang hendak lalu di hadapannya berkeras untuk lalu juga di hadapannya, ketika itu dia boleh menolak atau menghalang dengan cara yang lebih keras. Orang yang sedang bersembahyang dibenarkan menolak orang yang hendak lalu di hadapannya. Dia tidak dikira bersalah dan tidak juga dikenakan apa-apa bayaran ganti rugi atas tindakannya itu, walaupun ia mengakibatkan kematian orang berkenaan. Sabda nabi s.a.w. *فليقاته* di dalam hadits di atas tidak bererti menggunakan senjata. Tidak juga bererti ia perlu berjalan pergi kepada orang yang hendak lalu di hadapannya untuk menyekatnya. Dia hanya dikehendaki menghalang pada jarak yang terjangkau oleh tangannya dalam keadaan tidak berlaku pergerakan yang banyak." Kata Ibnu Batthaal: "Para 'ulama' bersepakat tentang orang yang bersembahyang dengan bersutrahkan sesuatu harus menyekat atau menolak orang yang hendak melintas di hadapannya. Keharusan itu tidak diperolehi orang yang bersembahyang dengan tidak menjadikan sesuatu sebagai sutrah. Orang-orang lain (pada asalnya) berhak lalu di tempat sembahyangnya itu dan dia pula tidak berhak menghalang mereka. Keharusan menghalang orang hanya ada disebabkan adanya hadits yang menyuruhnya menghalang dan menolak orang-orang yang hendak melintas di hadapannya ketika bersembahyang dalam keadaan bersutrah sahaja. Para 'ulama' juga mengatakan, seseorang yang sedang bersembahyang (dengan bersutrahkan sesuatu sekalipun) tidak boleh melawan orang yang hendak lalu di hadapannya dengan menggunakan pedang atau dengan bertindak

melakukan sesuatu yang boleh membatalkan sembahyangnya. Ini adalah keputusan hasil ijma' mereka. Alasannya ialah tindakan seperti itu lebih memudharatkannya (menjejaskannya) daripada tindakan orang yang lalu di hadapannya. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang kes orang yang melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang yang sempat dipegang oleh orang yang sedang bersembahyang setelah ia melintas, adakah ia perlu ditarik semula ke tempat asalnya sebelum ia melintas atau tidak? Malik mengatakan tidak perlu dan tidak boleh. Kerana ia bererti melintas buat kali kedua." Demikian juga pendapat as-Sya'bi, ats-Tsauri, asy-Syafi'e, Ahmad, Ishaq dan jumhur 'ulama'. Tetapi Ibnu Mas'ud berpendapat, boleh. Salim bin 'Abdillah dan Hasan al-Bashri juga dilaporkan sependapat dengan Ibnu Mas'ud.

⁸²⁸ Rangkaian kata ini merupakan alasan dan sebab bagi keharusan menolak orang yang hendak melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. Terdapat beberapa pendapat 'ulama' tentang apakah maksud rasulullah s.a.w. bersabda demikian. (1) Maksud sebenar rasulullah s.a.w. ialah "Kerana sesungguhnya bersamanya ada syaitan." Syaitanlah yang mendorongnya supaya melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. Inilah pendapat pilihan Abu Hatim, Khatthaabi dan lain-lain. Antara dalil yang menyokongnya ialah hadits Ibnu 'Umar berikut: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ يُصَلِّي فَلَا يَدْعُ أَحَدًا يَمُرُّ بَيْنَ يَدَيْهِ فَإِنَّ أَبِي قَتَيْبَةَ قَالَ مَعَ الْقَرِينِ* Bermaksud: Sesungguhnya rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu sedang bersembahyang, janganlah dia membiarkan sesiapa pun lalu di hadapannya. Jika dia hendak lalu juga, tolaklah dia dengan keras. Kerana sesungguhnya bersamanya ada syaitan temannya." (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Ibnu Majah, Nasaa'i, Thabaraani, Hakim, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Abu 'Awaanah dan lain-lain). (2) Maksudnya ialah perbuatannya adalah perbuatan syaitan. Ini bererti ia termasuk dalam kalangan syaitan manusia. Kerana kerja syaitan sebenar ialah mengganggu manusia yang sedang berbuat ta'at kepada Allah. Pendapat kedua ini adalah pendapat pilihan al-Jauzajaani dan lain-lain. Penggunaan perkataan syaitan untuk manusia termasuk dalam bab majaa'z dan penggunaan perkataan (أداة حصر) di hadapannya tidak lebih dari untuk memberi erti mubaalaghah. Ini kerana mustahil dengan semata-mata melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang, seseorang itu menjadi syaitan sebenar. (3) Dia memang syaitan. Perkataan syaitan digunakan untuk setiap yang derhaka kepada Allah dan rasulNya. Sama ada ia syaitan dari kalangan jin atau dari kalangan manusia. Orang yang hendak melintas juga di hadapan orang yang sedang bersembahyang padahal telah dihalang sebelumnya dikatakan syaitan kerana ia derhaka kepada Allah dan rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. telah pun melarang daripada melintas di hadapan orang yang bersembahyang dengan bersutrah di dalam sekian banyak hadits. Orang yang derhaka sahaja dapat melanggar amaran dan ancaman yang telah diberikan oleh rasulullah s.a.w. di dalam begitu banyak haditsnya. (4) Rasulallah s.a.w. sebenarnya bermaksud menyerupakan orang seperti itu dengan syaitan. Orang itu sebetulnya bukanlah syaitan. Seolah-olahnya baginda s.a.w. bersabda: *فَيَأْتِي مَا هُوَ مِثْلُ الشَّيْطَانِ* atau *فَيَأْتِي مَا هُوَ مِثْلُ الشَّيْطَانِ*. Rasulallah s.a.w. menggunakan tasybih baligh apabila baginda membuang adat tasybih (perkataan yang menunjukkan keserupaan) dan wajah syabah (sudut keserupaan) untuk menyatakan orang seperti itu betul-betul serupa dengan syaitan daripada segi mengganggu orang yang sedang bersembahyang. **Antara pengajaran, panduan dan hukum yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah:** (1) Sutrah disyari'atkan untuk menjaga kesempurnaan sembahyang seseorang. (2) Seseorang yang bersembahyang disyari'atkan berada dekat dengan sutrahnya, supaya dengan mudah dia dapat menghalang orang yang hendak melintas di antaranya dan sutrahnya. (3) Haram lalu dan melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang dan sutrahnya. Perbuatan seperti adalah perbuatan syaitan. (4) Orang yang sedang bersembahyang seharusnya menghalang bahkan menolak jika perlu, orang yang hendak lalu di hadapannya iaitu di antaranya dan sutrahnya. Sama ada dengan isyarat, bertasbih atau menyekatnya terlebih dahulu. Jika orang yang hendak lalu di hadapannya itu tetap mahu lalu walaupun telah dihalang,

dia boleh menolaknya dengan lebih keras. (5) Orang yang menolak orang yang hendak lalu di hadapannya ketika bersembahyang tidak berdosa, tidak diqisas dan tidak perlu membayar ganti rugi jika orang yang ditolaknya mendapat kecederaan atau mati kerananya. Ini kerana dia telah bertindak atas perintah rasulullah s.a.w. (6) Hikmat menolak orang yang hendak lalu di hadapan seseorang yang sedang bersembahyang ialah untuk menjaga kesempurnaan sembahyangnya dan untuk menghindarkan orang yang hendak melintas itu daripada terjerumus ke dalam dosa besar. (7) Keharusan menolak dan bertindak kasar terhadap orang yang hendak melintas itu khusus dengan orang yang bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrahnya. Demikian juga dengan kebebasan daripada membayar ganti rugi dan kebebasan daripada diqisas, semuanya khusus untuk orang yang bersembahyang dalam keadaan ada sutrah di hadapannya. Adapun orang yang bersembahyang tanpa sutrah, ia tidak boleh bertindak begitu. Ia juga akan diqisas atau dikenakan bayaran ganti rugi jika berlaku apa-apa kecederaan pada diri orang yang melintas. Inilah yang difahami kebanyakan 'ulama' berdasarkan mafhum hadits di atas. (8) Penolakan atau tindak balas terhadap sebarang pecerobohan hendaklah dilakukan dengan cara yang paling tidak membahayakan diri pencerboh terlebih dahulu. Penggunaan kekerasan tidak dibenarkan kecuali setelah tidak ada lagi cara yang lembut untuk mengubah pendiriannya. (9) Jumah 'ulama' berpendapat, tidak sepatutnya orang yang telah melintas ditarik balik ke tempat sebelum ia melintas. Kerana dengan berbuat begitu bererti membawanya melintas orang yang sedang bersembahyang buat kali kedua pula. (10) Orang yang melintas tidak berdosa jika dia melintas di hadapan orang yang bersembahyang di satu-satunya laluan orang ramai. (11) Pergerakan yang sedikit ketika sedang bersembahyang untuk kemashlahatan sembahyang tidak menjejaskan atau membatalkannya. Kerana ia memang diharuskan. (12) Keharusan menggunakan perkataan syaitan untuk orang yang melanggar perintah Allah dan RasulNya.

بَابُ إِثْمِ الْمَارِّ بَيْنَ يَدَيْ الْمُصَلِّيِّ

74- Bab Dosa Orang Yang Lalu Di Hadapan Orang Yang Sedang Bersembahyang.⁸²⁹

⁸²⁹ Beberapa pendapat telah dikemukakan oleh para pensayrah Sahih Bukhari tentang maksud beliau mengadakan bab ini. Antara lainnya ialah: (1) Beliau mahu menerangkan dan menentukan maksud satu lafaz hadits yang tersebut di bawahnya *مَاذَا عَلَيْهِ*, bahawa lafaz *مَا* di dalamnya bermaksud dosa (*أَيُّ مَاذَا عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ*). (2) Imam Bukhari hendak menjelaskan bahawa dosa melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang adalah sangat besar. Kalau seseorang yang hendak melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu tahu betapa besar dosanya, niscaya dia tidak akan berani melintas. Berdiri selama empat puluh tahun tanpa melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang akan dirasakan lebih baik olehnya daripada dia melintas di hadapannya. (3) Mengisyaratkan kepada perbezaan pendapat ulama dan pendapat beliau sendiri tentang kenapakah Rasulullah s.a.w. memerintahkan melalui sabda Baginda: *فَلْيَقْعُهُ* (dia hendaklah menolaknya / menghalangnya) dan *فَلْيَقَاتِبَهُ* (maka hendaklah ditolaknya / dihalangnya dengan lebih keras lagi daripada yang sebelumnya) di dalam hadits di bawah bab sebelum ini? Siapakah sebenarnya yang mendapat menafa'at dan faedah daripada pelaksanaan sabda Baginda s.a.w. itu? Orang yang sedang bersembahyang itu sendirikah atau orang yang hendak melintas di hadapannya? Terdapat dua golongan ulama dalam menentukannya: **Pertama:** Orang yang sedang bersembahyang itulah yang mendapat menafa'at daripadanya. Kerana orang yang melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang tentu sekali menjejaskan khusyuknya dan menimbulkan rasa waswas di dalam hatinya. Apabila orang yang sedang bersembahyang menolak atau menghalang orang yang hendak lalu di hadapannya, itu bererti ia menjaga kepentingan dan faedah dirinya sendiri. Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan dua alasan berupa atsar bagi golongan pertama ini: (1) Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud bahawa beliau berkata: *إنَّ المَرورَ بَينَ يَدَيِ المَصلِيِّ يَقطعُ نِصفَ صلاتِهِ* Bermaksud: "Lalu di hadapan orang yang sedang bersembahyang memotong separuh sembahyangnya." (2) Abu Nu'aim meriwayatkan daripada Umar bahawa beliau berkata: *لو يَعلَمُ المَصلِيُّ ما يَنقُصُ منَ صلاتِهِ بالمَروورِ* Bermaksud: "Sekiranya orang yang bersembahyang mengetahui apa yang kurang daripada sembahyangnya dengan sebab melintasnya sesuatu di hadapannya, niscaya dia tidak akan bersembahyang tanpa sutrah." Setelah mengemukakan dua atsar ini Hafiz Ibnu Hajar mengulas, kata beliau: "Perintah menolak dan menghalang orang yang hendak lalu di hadapan seseorang yang sedang bersembahyang itu adalah disebabkan gangguan dan kerosakan yang berlaku terhadap sembahyang orang yang sedang bersembahyang itu. Ia tidak ditujukan kepada orang yang melintas. Kedua atsar itu walaupun pada lafaznya mauquf, tetapi pada hukumnya ia marfu'. Kerana perkara seumpama itu tidak boleh diucapkan semata-mata berdasarkan 'aql." Orang yang bersembahyang sepatutnya menumpukan sepenuh perhatian kepada sembahyangnya. Itu lebih baik lagi baginya daripada sibuk menghindarkan orang lain daripada terjerumus ke dalam dosa. **Kedua:** Menafa'at dan faedah pelaksanaan perintah Rasulullah s.a.w. itu sebenarnya diperolehi orang yang hendak melintas. Walaupun mungkin orang yang hendak melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang tersinggung dengan tindakan orang yang sedang bersembahyang dan mungkin juga ia mengalami sedikit kesakitan kerana mendapat pukulan yang agak kuat di dadanya, namun pada hakikatnya orang yang bersembahyang itu telah menyelamatkannya daripada terjerumus ke dalam satu dosa besar. Keadaannya bolehlah dibandingkan dengan orang buta yang tiba-tiba ditolak seseorang sehingga terjatuh ke dalam parit demi menyelamatkannya daripada digilis kenderaan berat. Menurut Ibnu Bathaal dan Syeikh Zakariya, Imam Bukhari lebih cenderung kepada pendapat golongan kedua

48? - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي النَّضْرِ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ أَنَّ زَيْدَ ابْنَ خَالِدٍ أَرْسَلَهُ إِلَى أَبِي جُهَيْمٍ يَسْأَلُهُ مَاذَا سَمِعَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَارِّ بَيْنَ يَدَيْ الْمُصَلِّي فَقَالَ أَبُو جُهَيْمٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيْ الْمُصَلِّي مَاذَا عَلَيْهِ لَكَانَ أَنْ يَقِفَ أَرْبَعِينَ خَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ قَالَ أَبُو النَّضْرِ لَا أَدْرِي أَقَالَ أَرْبَعِينَ يَوْمًا أَوْ شَهْرًا أَوْ سَنَةً

480- `Abdullah bin Yusuf (at-Tinniisi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abi an-Nadhr (Salim bin Abi Umaiyah) Maula `Umar bin `Ubaidillah daripada Busr bin Sa`id: Bahawa Zaid bin Khalid⁸³⁰ (al-Juhani al-

menunjukkan keadaan-keadaan yang tersebut tadi terkecuali, dan yang terlibat dengan ancaman hanyalah orang yang melintas sahaja, sepatutnya ancaman itu dihadkan kepada orang yang melintas sahaja. **Hadits di bawah bab ini** juga seharusnya dipakai untuk orang yang melintas di hadapan seseorang yang sedang bersembahyang sebagai imam atau ia sedang bersembahyang bersendirian. Adapun orang yang melintas di hadapan ma'mum, dia tidak termasuk dalam ancaman yang tersebut di dalam hadits Abi Juhaim itu. Perbincangan tentang hukum melintas di hadapan ma'mum telah pun berlalu di bawah bab "Sutrah Imam Merupakan Sutrah Orang-Orang (Ma'mum) Di Belakangnya".

⁸³⁰ Demikianlah tersebut di dalam kebanyakan riwayat. Orang yang menghantar Busr ialah Zaid bin Khalid dan orang yang dihantarkan Busr kepadanya ialah Abu Juhaim. Abu Juhaimlah orang yang ditanya oleh Busr tentang hadits berkenaan. Tetapi berdasarkan riwayat Sufyan bin `Uyainah daripada Abi an-Nadhr di dalam Musnad al-Bazaar, orang yang menghantar Busr bukan Zaid bin Khalid, bahkan sebaliknya Abu Juhaim. Dan orang yang dihantarkan Busr kepadanya bukan Abu Juhaim, tetapi sebaliknya Zaid bin Khalid. Kebanyakan ulama hadits mentarjihkan riwayat Malik, Sufyan as-Tsauri dan lain-lain daripada Abi an-Nadhr kerana tiga alasan. **Pertama:** Mereka menganggap isnad Sufyan bin `Uyainah adalah isnad yang maqlub (terbalik) dan ia dianggap sebagai salah satu kesilapan dan waham (kekeliruan) beliau. **Kedua:** Riwayat Malik itu selain tersebut di dalam Muwattha', ia juga tersebut di dalam Sahih Bukhari dan Muslim. **Ketiga:** Kesemua perawi-perawi tsiqaat meriwayatkan hadits ini daripada Abi an-Nadhr seperti Malik. Tidak ada siapa pun didapati telah meriwayatkannya seperti Sufyan bin `Uyainah. Namun begitu Ibnu al-Qatthaan al-Faasi (Abu al-Hasan `Ali bin Muhammad bin `Abdil Malik m.628H) berkata: "Kesilapan Ibnu `Uyainah itu masih belum pasti sebenarnya. Justeru ada kemungkinan Abu Juhaim menghantar Busr kepada Zaid dan Zaid pula menghantar Busr kepada Abu Juhaim dengan maksud mendapat kepastian tentang apa yang telah didengari masing-masing mereka daripada Nabi s.a.w. Hasilnya kedua-dua mereka meriwayatkan apa yang diingati masing-masing. Abu Juhaim meriwayatkan dengan syak tentang empat puluh, sama ada ia empat puluh hari atau empat puluh bulan atau empat puluh tahun. Zaid bin Khalid pula meriwayatkan tanpa syak. Untuk lebih jelas dan untuk perbandingan, di bawah ini diperturunkan riwayat al-Bazaar berkenaan bersama-sama dengan terjemahannya:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدَةَ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ سَالِمِ أَبِي النَّضْرِ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ قَالَ أَرْسَلَنِي أَبُو جُهَيْمٍ إِلَى زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ أَسْأَلُهُ عَنِ الْمَارِّ بَيْنَ يَدَيْ الْمُصَلِّي فَقَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيْ الْمُصَلِّي مَاذَا عَلَيْهِ كَانَ لَأَنْ يَقُومَ أَرْبَعِينَ خَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ

Bermaksud: Busr bin Sa`id meriwayatkan, katanya: Abu Juhaim menghantarku kepada Zaid bin Khalid supaya aku bertanya beliau tentang orang yang melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. Beliau menceritakan, katanya: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: